



Baca dan berikan respons.

Pentingnya Tenaga

Cuaca pada hari itu sangat panas. Lidim menjemur kasut sekolahnya yang baru dicuci di bawah cahaya matahari. Dia berharap agar matahari bersinar dengan teriknya supaya kasutnya cepat kering.

Nyatakan kepentingan cahaya matahari kepada kita.



Maklumat Tersurat



Maklumat Tersirat



Respons



Lampu isyarat di simpang jalan tidak berfungsi. Lampu jalan juga tidak bernyala. Masalah itu berlaku kerana bekalan elektrik terputus. Keadaan di jalan raya itu menjadi tidak terkawal.

Tidak lama kemudian, bekalan elektrik kembali pulih. Lampu isyarat dan lampu jalan dapat berfungsi seperti biasa. Pemandu kenderaan dapat memandu kenderaan mereka dengan selamatnya dan terkawal.



Maklumat Tersurat



Maklumat Tersirat



Respons



- Bimbing murid membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat.
- Minta murid memberikan respons.

KBAT: Menganalisis – Meramal
EMK: Sains dan Teknologi

Strategi PdP: Konstruktivisme